PBA
Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
*Meeting all your water supply needs*

6.7.2022
Kenyataan Media
oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

# LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA KEMBALI BEROPERASI SELEPAS HENTI TUGAS KECEMASAN 4 JAM

- **Loji terpaksa dihenti tugas kerana air mentah dari Sungai Muda terlalu keruh untuk dirawat dengan selamat.**

- **PBAPP gerakkan prosedur tindak balas kecemasan dalam masa 4 jam.**

PULAU PINANG, Rabu, 6.7.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa menggerakkan kerja-kerja kejuruteraan tindak balas kecemasan berkaitan pengeluaran air di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua, loji rawatan terbesar dan terpenting di Pulau Pinang, pagi ini.

Pada jam 6.00 pagi hari ini, kekeruhan air mentah yang dipam dari Sungai Muda (melalui Terusan Sungai Dua) ke loji itu direkodkan adalah 3,000 NTU. Ini adalah penarafan kekeruhan yang luar biasa tinggi. "Kekeruhan normal" air mentah dari Sungai Muda adalah di bawah 1,000 NTU.

(NTU merujuk kepada "Unit Kekeruhan Nephelometric" atau *"Nephelometric Turbidity Unit"*, unit yang digunakan untuk mengukur kehadiran zarah atau jirim terampai dalam air.)

Pada jam 8.00 pagi hari ini, semua operasi pengeluaran air di LRA Sungai Dua telah dihenti tugas sementara waktu. Langkah kecemasan ini adalah perlu untuk mengelakkan pengeluaran air terawat yang tidak selamat yang tidak mematuhi parameter Kawalan Kualiti Air Minuman yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebagai langkah pemulihan, PBAPP segera mengurangkan pengabstrakan air mentah dari Sungai Muda dan melepaskan air mentah yang disimpan di Empangan Mengkuang untuk mengurangkan kekeruhan air mentah di Terusan Sungai Dua.

Pada jam 12.00 tengah hari, apabila paras kekeruhan air mentah yang

memasuki loji berada pada tahap yang boleh diterima, PBAPP memulakan semula operasi pengeluaran air di LRA Sungai Dua secara berperingkat.

**Kesan henti tugas selama 4 jam di LRA Sungai Dua**

Henti tugas sementara LRA Sungai Dua menyebabkan tekanan air di semua saluran paip utama di Seberang Perai dan Pulau Pinang menurun. Ini kerana LRA Sungai Dua mengeluarkan lebih 80% air terawat yang dibekalkan di seluruh Negeri Pulau Pinang setiap hari.

PBAPP menerima pertanyaan dan aduan daripada pengguna air berkaitan tekanan air rendah di seluruh Pulau Pinang, termasuk pengguna industri.

PBAPP memohon maaf atas segala kesulitan sementara yang berlaku. Bagaimanapun, semua pengguna yang terjejas perlu tahu bahawa peningkatan mendadak dalam kekeruhan air mentah dari Sungai Muda adalah faktor yang di luar kawalan PBAPP.

Namun begitu, PBAPP telah bertindak balas dan memberi respons terhadap situasi krisis ini pada masa tepat dan sesuai.

PBAPP menjangkakan tekanan bekalan air di semua saluran paip di seluruh Negeri Pulau Pinang akan dipulihkan pada jam 12 tengah hari Khamis, (7.7.2022).

Sementara itu, PBAPP akan terus memantau kekeruhan air yang diabstrak dari Sungai Muda secara berterusan 24/7. Kami akan terus melepaskan air dari Empangan Mengkuang bagi memastikan tahap kekeruhan air mentah yang selamat untuk LRA Sungai Dua.

Keutamaan kami adalah untuk memastikan pengeluaran air terawat yang selamat dan berterusan di Pulau Pinang.

Terima kasih.

---

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my